

Beri impak besar naikan imej universiti

# Alumni UMP aset intelektual

UM (Klo Kampar) Petru 24/11/10 ms26

Oleh SITI NORIZAT SHIKH ABDUL JALIL  
utusanpahang@utusan.com.my

**KUANTAN** 23 Nov. – Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) perlu mempertingkatkan sumbangan tenaga dan buah fikiran untuk kepentingan serta pembangunan universiti itu.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, persatuan yang banyak mengisi keperluan guna tenaga profesional di pelbagai sektor, firma dan industri itu masih mempunyai kewajipan yang perlu dilunaskan kepada universiti.

Menurut beliau, warga alumni bukan sahaja aset intelektual universiti malah merupakan modal insan yang mempunyai peranan penting ke arah perkembangan universiti, bangsa dan negara.

"Alumni UMP juga perlu berfikir secara luar biasa bagi memastikan persatuan ini lebih aktif dengan mengadakan aktiviti yang boleh memberi impak besar dalam membantu menaikkan nama universiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri majlis minum petang dan pelancaran Jawatankuasa Penaja Alumni Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) di Hotel Istana, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus; Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Yuserrie Zainuddin; Dekan FKKSA, Prof. Madya Zulkafli Hassan; Presiden Persatuan Alumni UMP, Syed Mohamad Hamzah Al-Jumid Syed Abdul Rahman dan Presiden Jawatankuasa Penaja Alumni Chapter FKKSA, Wan Mohd. Hidayat Wan Abdullah.

Menurut Daing Nasir, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) UMP sedang menggiatkan usaha memperkasa hubungan antara universiti dengan warga alumni di seluruh peringkat pengajian.

Beliau turut berbangga dengan kejayaan FKKSA dan JHEPA mewujudkan alumni sebagai langkah awal memantapkan per-



SEBAHAGIAN mereka yang hadir pada majlis minum petang dan pelancaran Jawatankuasa Penaja Alumni Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) di Hotel Istana, Kuala Lumpur baru-baru ini. Hadir sama Dr. Daing Nasir Ibrahim (duduk tengah).

satuan itu.

"Saya akan sentiasa memberikan sokongan dan menggalakkan ahli alumni untuk turut serta dalam pelbagai aktiviti anjuran

universiti," ujarnya.

Tambahnya, alumni bahagian FKKSA merupakan cabang pertama yang ditubuhkan dalam Persatuan Alumni UMP bagi

mewujudkan rangkaian yang dapat memberi manfaat kepada bekas pelajar, fakulti dan universiti.

"Penubuhannya membolehkan maklu-

mat alumni mudah dikemaskini dan membantu mempromosi serta mempergiatkan lagi aktiviti persatuan Alumni UMP pada masa akan datang," katanya.